

PELAKSANAAN PENGURUSAN AGIHAN ZAKAT DI KEDAH

Implementation of Zakat Distribution Management In Kedah

Syarifah Md Yusofi*

Raziah Md Tahir 2

Azizah Othman 3

Abu Bakar Hamed 4

^{1,2,3,4} Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah

*Corresponding author (Email: syarifah@uum.edu.my)

Diterima: 5 Mac 2020, Diproses: 27 April 2020, Diterbitkan: 30 September 2020

Abstrak: Pengurusan agihan zakat merupakan salah satu aspek yang penting dalam pengurusan zakat. Zakat yang dibayar kepada institusi zakat perlu diurus dengan baik agar golongan asnaf yang berhak menerima zakat dapat dibantu bukan sahaja dalam aspek jasmani, malah meliputi rohani dan akli. Hal ini selaras dengan objektif agihan zakat yang digariskan oleh Jabatan Wakaf dan Haji (JAWHAR) iaitu meningkatkan taraf hidup hidup golongan asnaf dalam semua bidang kehidupan merangkumi aspek-aspek rohani, aqli dan jasmani. Bagi memastikan pencapaian objektif agihan zakat, pelaksanaan pengurusan agihan zakat yang berkesan amat perlu. Namun, timbul isu seperti proses permohonan yang lambat, kerenah birokrasi, permohonan ditolak, dan ketiadaan pemantauan dalam pengurusan agihan zakat. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pelaksanaan pengurusan agihan zakat khusus kepada fakir dan miskin yang dilaksanakan di Kedah. Kertas kerja ini menggunakan kaedah kajian kualitatif iaitu dengan mengadakan temu bual dengan pegawai zakat. Dapatkan menunjukkan pelaksanaan pengurusan agihan zakat kepada asnaf fakir dan miskin meliputi promosi bantuan, penetapan bentuk bantuan, proses permohonan, pemilihan, penyerahan dan pemantauan. Cadangan dibincangkan di akhir kertas kerja.

Keywords: Agihan zakat, Zakat, Pengurusan agihan zakat.

Abstract: *Zakat distribution management is one of the important aspects in zakat management. Zakat paid to the zakat institution needs to be well managed so that asnafs who are eligible to receive zakat could be helped not only physically, but also spiritually and mentally. This is in line with the zakat distribution goal set by the Wakaf and Hajj Department (JAWHAR) which is to improve the standard of living of the asnaf in all spheres of life including spiritual, mental and physical aspects. To ensure the achievement of the zakat distribution objectives, effective implementation of zakat distribution is essential. However, few issues have been highlighted such as the slow application process, bureaucratic red tape, rejected applications, and lack of monitoring in zakat distribution management. The objective of this study is to identify the implementation of zakat distribution specifically for the poor and needy in Kedah. This paper uses a qualitative research method by conducting interviews with zakat officer. Findings show the implementation of zakat distribution management to the poor and needy including the*

promotion of aid, designation of aid, application process, selection, submission and monitoring. Suggestions are discussed at the end of the paper.

Keywords: Zakat distribution, Zakat, Zakat distribution management.

PENGENALAN

Zakat telah disyariatkan dalam Islam bermula pada tahun ke-dua Hijrah. Pensyariatan zakat dalam Islam bermatlamatkan untuk membantu golongan yang susah, iaitu mereka yang tidak dapat memenuhi keperluan hidup, di samping meningkatkan kekuatan ummah dan menegakkan kalimah Allah. Asnaf fakir dan miskin merupakan antara asnaf yang telah ditetapkan oleh Allah sebagai golongan yang berhak dalam agihan zakat.

Dalam menangani masalah kemiskinan, zakat berperanan penting membantu golongan ini. Walaupun terdapat pelbagai bentuk bantuan zakat diagihkan kepada golongan fakir dan miskin, namun Sinar Harian (2014) melaporkan pengagihan zakat di negara ini gagal membendung masalah kemiskinan dalam kalangan umat Islam walaupun jumlah kutipan zakat oleh pusat kutipan zakat dilaporkan meningkat setiap tahun. Antara kelemahan yang dinyatakan adalah kegagalan institusi zakat dalam mengenal pasti keperluan sebenar golongan asnaf.

Kajian Nor Shafinas Muda (2014) dan Ahmad Fahme Mohd Ali, Zakaria, Fuadah Johari dan Muhammad Ridhwan Ab Aziz (2015) mendapati bantuan zakat memberi kesan yang kecil kepada asnaf. Hanya 23% daripada penerima zakat Bantuan Jayadiri di Kedah berjaya keluar daripada kemiskinan (Nor Shafinas Muda, 2014). Namun begitu, peningkatan min pendapatan bulanan kepada RM775 kesan daripada bantuan zakat Jayadiri hanyalah melepas pendapatan garis kemiskinan (PGK). Hal demikian memungkinkan mereka mudah terjerumus kembali ke kancang kemiskinan jika berlaku perubahan keadaan ekonomi khususnya bagi mereka yang berada di pinggiran.

Beberapa masalah dalam pengurusan agihan telah dikenal pasti menjadi punca kepada kurangnya keberkesanan agihan zakat kepada asnaf. Antaranya kesukaran mencari asnaf, jurang perhubungan, lokasi asnaf di kawasan pedalaman (Muhammad Syukri Salleh, 2006; Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad, 2009; Teh Suhaila Tajuddin, Aza Shahnaz Azman, dan Noraini Shamsuddin, 2016). Oleh itu, tujuan kertas kerja ini adalah untuk membincangkan pelaksanaan pengurusan agihan zakat yang dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah.

SOROTAN KARYA

Pengurusan agihan zakat merujuk kepada cara, kaedah, proses dan pengurusan pengagihan bantuan zakat kepada asnaf. Ia merangkumi proses mengenal pasti asnaf, proses permohonan bantuan zakat, menentukan bentuk dan jumlah bantuan, program pembangunan asnaf, pengawasan dan laporan. Proses pengagihan zakat bukan hanya melibat pemberian bantuan semata-mata kepada asnaf, malah ia meliputi seluruh proses agihan. Ia bermula daripada aktiviti hebatan bantuan zakat sehingga kepada pemantauan selepas pengagihan bantuan zakat.

Hebatan atau promosi bantuan zakat amat penting untuk menyebarkan maklumat kepada masyarakat berkaitan bantuan zakat. Promosi seperti pameran bergerak, peranan amil kariah dan pegawai zakat bukan sahaja disasarkan kepada asnaf agar mereka mengetahui tentang

bantuan zakat, malah menurut Hairunnizam Wahid & Sanep Ahad (2013), aktiviti ini meningkatkan kesedaran masyarakat tentang zakat itu sendiri. Secara tidak lansung, hal yang demikian dapat meningkatkan kecenderungan individu untuk menunaikan zakat (Aza Shahnaz, Norzalina & Latifa Bibi Musafar (2014).

Pendekatan agihan zakat yang berdasarkan permohonan menyebabkan agihan zakat tidak menyeluruh. Muhammad Syukri Salleh (2006) beranggapan bahawa masalah ini berlaku disebabkan birokrasi dan serakan geografi yang menjadi halangan terhadap agihan zakat sampai kepada asnaf dengan sepatutnya. Hal ini juga disokong oleh Sohaimi dan Mohd Gunawan (2011) yang mendapati Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) masih mengagihkan zakat berdasarkan sistem permohonan berbanding pendekatan turun padang. Teh Suhaila Tajuddin, Aza Shahnaz Azman, dan Noraini Shamsuddin (2016) pula mendapati kawasan penempatan golongan asnaf yang tinggal di kawasan ceruk kampung dan kawasan pedalaman juga menyebabkan pegawai zakat ataupun wakil-wakil yang telah dilantik seperti ketua kampung ataupun ahli jawatankuasa masjid tidak dapat menjelaki mereka.

Dari segi keperluan aspek pemantauan pula, Amirul Afif Muhamat, Norlida Jaafar, Hardi Emrie Rosly, & Hasman Abdul Manan (2011) mendapati perhatian dan pemantauan yang khusus dan pengetahuan dalam perniagaan merupakan aspek penting dalam memastikan objektif menjadikan asnaf sebagai usahawan yang berjaya dapat dicapai. Namun, menurut Othman Sahalan dan Luqman Abdullah (2014), aktiviti pengawasan terhadap pembangunan asnaf belum dilaksanakan secara menyeluruh disebabkan kekangan di pihak institusi zakat dan seharusnya pihak institusi zakat perlu mengambil perhatian yang serius dalam mengetahui sejauhmana keberkesanan program pembangunan asnaf ini supaya objektif dan matlamat program dapat dicapai dengan berkesan. Oleh itu terdapat keperluan untuk mengkaji pelaksanaan pengurusan agihan zakat kepada asnaf fakir dan miskin agar penambahbaikan terhadap pengurusan agihan zakat dapat dilakukan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk fenomenologikal bertujuan untuk meneroka pelaksanaan mekanisme agihan zakat kepada fakir dan miskin di Kedah. Pendekatan kualitatif digunakan kerana data yang diperolehi bukan dalam bentuk nombor. Sebaliknya, data kajian ini berbentuk teks iaitu enceritaan pengalaman informan tentang isu yang dikaji. Oleh itu, data dikutip menerusi temu bual mendalam dengan pegawai zakat serta rujukan ke atas laman sesawang LZNK. Pegawai zakat yang dirujuk adalah ketua jabatan agihan selaku informan yang arif berkenaan pengurusan pengagihan zakat yang dilaksanakan oleh LZNK. Soalan-soalan yang ditanya meliputi aspek promosi, bentuk bantuan, proses permohonan, proses pemilihan, dan pemantauan.

PENGURUSAN AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF FAKIR DAN MISKIN

Perbincangan seterusnya adalah hasil dapatan daripada temu bual dengan pegawai zakat berkenaan mekanisme agihan zakat kepada fakir dan miskin. Ia merangkumi promosi, bentuk bantuan, proses permohonan, proses pemilihan, serahan bantuan dan pemantauan.

Kaedah promosi

LZNK telah menggabungkan kaedah tradisional dan moden dalam mempromosi bantuan zakat. Melalui kaedah tradisional, masjid diberi peranan penting dalam menyebarkan maklumat tentang bantuan zakat. Setiap masjid di Kedah mempunyai seorang penolong amil yang dilantik oleh LZNK. Penolong amil berperanan sebagai ‘mata dan telinga LZNK bagi menjelaki asnaf di kariah masing-masing dan mengagihkan bantuan makanan kepada asnaf. Selain itu, penyaluran maklumat bantuan zakat turut menggunakan medium ceramah dan forum di masjid, Kesemua aktiviti ini boleh juga diikuti rakamannya di *facebook* LZNK. LZNK juga meletakkan papan tanda ‘Pusat Agihan Makanan Fakir dan Miskin (Food Bank) Lembaga Zakat Negeri Kedah (Terputus makanan? Hubungi Imam Masjid anda’ di semua masjid di seluruh Kedah sebagai satu cara promosi bantuan zakat. Dengan cara ini, semua masyarakat setempat dapat mengetahui adanya bantuan makanan disediakan oleh LZNK.

Kaedah moden dan terkini adalah laman sesawang rasmi LZNK dan media sosial seperti laman muka buku (*facebook*) dan aplikasi *whatsapp*. Laman sesawang rasmi LZNK adalah di www.zakatkedah.com.my. Maklumat yang dipaparkan di laman sesawang ini meliputi profil organisasi, kutipan, agihan, berita semasa, iklan, aplikasi atas talian, pengiraan zakat, muat turun borang permohonan dan cara menghubungi LZNK. Senarai bantuan-bantuan yang disediakan turut dipaparkan di laman sesawang ini. Ia meliputi bantuan untuk pembangunan asnaf, program agihan dan pelbagai bantuan lain. (Laman sesawang LZNK, 2019).

Selaras dengan trend terkini, penyaluran maklumat tentang bantuan zakat turut dibuat menerusi media sosial khususnya *facebook*. *Facebook* LZNK memuatkan bahan berbentuk audio visual yang memaparkan siaran berita zakat, siaran secara langsung (*facebook live*) dan siaran menerusi Youtube program ceramah, bual bicara dan program slot CEO zakat di Radio Malaysia Kedah. Setiap staf LZNK juga perlu aktif dalam mempromosikan maklumat berkaitan aktiviti LZNK terutamanya aktiviti agihan bantuan, termasuk ceramah dan forum zakat menerusi *facebook* LZNK. *Facebook* LZNK boleh juga dicapai menerusi pautan yang disediakan di laman sesawang rasmi LZNK.

Bentuk bantuan

Terdapat pelbagai bentuk bantuan disediakan untuk asnaf fakir dan miskin. Antara bantuan yang disediakan oleh pihak LZNK adalah seperti bantuan sara hidup, bantuan perubatan, bantuan perumahan, bantuan perniagaan atau Jayadiri, bantuan pembangunan ummah, dan bantuan pendidikan.

Bantuan sara hidup lebih tertumpu kepada golongan asnaf fakir dan miskin. Antara jenis bantuan sara hidup adalah seperti bantuan kewangan bulanan, bantuan makanan bulanan, bantuan miskin tahunan, bantuan sara hidup sekaligus, bantuan saudara baru permulaan, bantuan kepada orang berhutang, bantuan tambang pulang kepada pelajar tamat pengajian, dan bantuan perkahwinan saudara baru (Laman Sesawang LZNK, 2019). Menurut pegawai zakat yang ditemu bual, bantuan kewangan bulanan berjumlah di antara RM200-RM500 sebulan.

Bagi kategori bantuan perubatan, beberapa bentuk iaitu bantuan rawatan bulanan, bantuan rawatan sekaligus, bantuan rawatan di klinik panel dan bantuan rawatan di pusat haemodialisis. Pusat Haemodialisis Zakat Kedah (PHZK) yang beroperasi di bangunan ibu pejabat LZNK, Menara Zakat, Alor Setar merupakan pusat haemodialisis LZNK.. Ia ditubuhkan pada tahun 2011 dengan kos kira-kira RM1.5 juta. Ia memuatkan 18 mesin dialisis dengan

kapasiti rawatan yang melibatkan sejumlah 70 pesakit non-hepatitis pada satu-satu masa (Laman Sesawang LZNK, 2019). Operasi PHZK menggunakan sepenuhnya peruntukan kutipan zakat negeri Kedah dapat membantu asnaf fakir miskin yang mengidap sakit buah pinggang dalam negeri Kedah untuk mendapatkan perkhidmatan rawatan haemodialisis percuma.

Bantuan perumahan yang disediakan pula meliputi bantuan bina rumah dan bantuan baik pulih rumah. Peruntukan bagi setiap pembinaan rumah baru ialah sebanyak RM43,000. Reka bentuk rumah baru telah ditetapkan oleh LZNK. Semua aktiviti pembinaan diuruskan oleh kontraktor yang dilantik. Asnaf hanya menyediakan tapak rumah. Bagi baik pulih rumah, semua urusan baik pulih juga diurus oleh kontraktor yang dilantik oleh pihak LZNK sendiri. Peruntukan yang disediakan adalah seperti yang diluluskan oleh pihak LZNK.

Asnaf juga berpeluang mendapatkan bantuan perniagaan atau lebih dikenali dengan bantuan jayadiri. LZNK memberikan bantuan dalam bentuk modal iaitu peralatan seperti mesin jahit, mesin pembuat ais kacang, peralatan gunting rambut, mesin rumput, mesin tebang pokok dan sebagainya bergantung kepada keperluan yang diperlukan oleh asnaf.

Seterusnya adalah bantuan pendidikan dan latihan kemahiran. LZNK telah menyediakan bantuan pendidikan seperti bantuan persekolahan bulanan, bantuan awal persekolahan, bantuan yuran penuh ke IPT, derma siswa melanjutkan pelajaran ke IPT tempatan, derma siswa melanjutkan pelajaran ke Yaman, derma siswa melanjutkan pelajaran ke Mesir, derma siswa melanjutkan pelajaran ke UniSHAMS, derma siswa melanjutkan pelajaran ke Jordan, derma siswa melanjutkan pelajaran ke Indonesia (IAIN), biasiswa pendidikan dalam negara (IPTA), biasiswa perubatan luar negara (Mesir), dan derma siswa IPT luar negara. Latihan kemahiran yang diberikan kepada asnaf bagi mendapatkan sijil kemahiran adalah seperti Akademi Bina Malaysia (ABM). LZNK juga menubuhkan sekolah asnaf zakat pertama iaitu Maahad Dini Sultan Abdul Halim yang terletak di Jalan Suka Menanti, Alor Setar.

Selain itu, bantuan musibah alam turut diagihkan kepada asnaf yang ditimpa musibah seperti banjir, ribut dan kebakaran. Bantuan ini terdiri daripada bantuan keperluan asas dan membaiki rumah kediaman.

Proses permohonan

Di LZNK, semua permohonan mestilah menggunakan borang permohonan bantuan zakat yang boleh didapati daripada laman sesawang LZNK atau daripada pejabat zakat dan penolong amil. Menurut pegawai zakat, asnaf boleh memuat turun borang bantuan berserta panduan mengisi borang dan melihat syarat kelayakan daripada laman sesawang LZNK.

Asnaf juga boleh mendapatkan borang permohonan daripada Ibu Pejabat (LZNK), Pejabat Zakat Daerah, masjid dan Penolong Amil. Pendekatan LZNK melantik penolong amil di 576 buah masjid di seluruh negeri Kedah merupakan satu pendekatan yang baik kerana langkah ini dapat mengurangkan masalah serakan geografi dan perhubungan. Peranan penolong amil adalah untuk membantu dan memudahkan pencarian asnaf. Penolong amil juga dipertanggungjawabkan oleh LZNK untuk membantu mengisi borang permohonan asnaf. Seterusnya asnaf boleh menyerahkan borang permohonan kepada penolong amil. Borang permohonan mestilah lengkap dan dikembalikan kepada Pejabat Zakat Daerah atau ibu pejabat LZNK. Asnaf perlu mengepulkan dokumen seperti salinan kad pengenalan, borang pengesahan pendapatan atau slip gaji, salinan akaun bank, pengesahan salinan dokumen oleh imam atau

penolong amil, surat nikah, bil elektrik dan bil air, dan sebagainya lagi seperti yang dinyatakan dalam borang permohonan.

Proses Pemilihan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa LZNK telah menyediakan beberapa panduan pertimbangan bagi meluluskan permohonan bantuan zakat kepada asnaf fakir dan miskin. Untuk asnaf fakir, pihak LZNK telah menetapkan bahawa mereka adalah orang Islam yang tidak mempunyai harta, dan pendapatan tidak sampai 50 peratus dari had kecukupan untuk menanggung diri dan keluarga. Manakala bagi asnaf miskin pula mereka adalah orang Islam yang mempunyai harta, pekerjaan yang hanya dapat menampung keperluan diri sebanyak 50 peratus sahaja. Permohonan bantuan miskin sepenuhnya menggunakan panduan haddul kifayah.

Pihak asnaf perlu mengepulkan dokumen adalah bertujuan untuk proses pemilihan dilakukan oleh pihak LZNK. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan daripada sebarang butiran yang mencurigakan dan tidak benar. Hal ini juga menjadi penentu kepada panduan pertimbangan bagi meluluskan permohonan bantuan zakat kepada asnaf fakir dan miskin. Borang permohonan mengandungi maklumat seperti sumber dan jumlah pendapatan, perbelanjaan, maklumat anak dan tanggungan, maklumat tempat kediaman dan maklumat pemilikan harta. Penolong amail akan melakukan siasatan bagi memastikan maklumat yang diberi adalah tepat. Borang tersebut perlu mendapat pengesahan daripada penolong amil atau pegawai zakat.

Dapatan kajian juga mendapati bahawa bantuan modal perniagaan diluluskan bagi mereka yang berpotensi untuk terus berkembang. Berpotensi untuk berkembang bermaksud mereka yang tergolong dalam kalangan asnaf yang mampu berusaha menambah pendapatan keluarga dengan pemberian bantuan zakat. Bantuan modal iaitu bantuan peralatan diberikan kepada golongan asnaf yang telah atau sedang menjalankan perniagaan tetapi mungkin mendapat kekakangan semasa menjalankan perniagaan seperti mesin jahit rosak dan kekurangan modal.

Kaedah Penyerahan

Penyerahan bantuan zakat dilaksanakan menerusi pelbagai kaedah mengikut kesesuaian. Antara kaedah penyerahan bantuan zakat yang dilaksanakan oleh pihak LZNK adalah melalui bank, imam atau penolong amil, cek, secara terus kepada asnaf, baucer, agen, pegawai zakat dan pihak kontraktor.

Bantuan dalam bentuk wang tunai kebiasaannya dislaurkan kepada asnaf menerusi sistem perbankan. Wang bantuan zakat akan dikreditkan ke dalam akaun bank asnaf. Asnaf boleh mengeluarkan wang bantuan yang diterima pada bila-bila masa sahaja selepas wang dikredit ke dalam akaun mereka. Selain tu, serahan bantuan juga ada dibuat melalui cek. Bantuan zakat juga diserahkan melalui penolong amil di masjid khususnya bantuan makanan *food bank*. Ada juga kes penyerahan bantuan zakat dibuat secara terus kepada asnaf seperti melalui Program Berbasikal seperti mana yang dimaklumkan oleh pegawai zakat.

Bantuan zakat juga dilakukan melalui agen kutipan. LZNK telah melantik agen kutipan zakat iaitu, institusi pendidikan, dan sekolah-sekolah agama untuk mengutip zakat. Mereka akan mendapat agihan balik bayaran zakat untuk diagihkan kepada asnaf. Pegawai zakat juga akan melakukan proses penyerahan kepada asnaf seperti bagi penyerahan bantuan peralatan

niaga dan bantuan perumahan. LZNK juga telah melantik kontraktor untuk menyerahkan bantuan makanan bulanan. Namun skim bantuan makanan bulanan ini telah ditamatkan dan digantikan dengan pusat bekalan makanan (*food bank*) di masjid.

Pemantauan

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa LZNK mempunyai beberapa cara pemantauan terhadap bantuan yang diberikan kepada asnaf. Antaranya adalah dengan cara penetapan bantuan secara tahunan. Kelulusan bantuan bulanan hanya untuk tempoh satu tahun. Asnaf perlu membuat permohonan semula untuk tahun berikutnya. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan daripada pemberian bantuan zakat kepada yang tidak layak. Berkemungkinan asnaf telah menerima bantuan-bantuan lain, jumlah tanggungan yang telah berubah, anak telah bekerja dan boleh membantu ibu bapanya dan sebagainya. Begitu juga asnaf perlu hadir ke pejabat zakat untuk mengesahkan penerimaan bantuan zakat. Hal ini bagi mengenal pasti jika terdapat kes kematian asnaf.

Penerima bantuan perniagaan Jayadiri turut akan dipantau oleh LZNK. Pihak LZNK akan membuat lawatan ke premis perniagaan atau rumah asnaf bagi memastikan peralatan perniagaan yang diberikan dimanfaatkan oleh asnaf. Begitu juga dengan bantuan rumah. Pihak LZNK meninjau proses pembinaan rumah untuk memastikan proses berjalan lancar.

KESIMPULAN

Secara umumnya, kajian ini telah mengenal pasti perlaksanaan pengurusan agihan zakat yang dilaksanakan oleh LZNK kepada asnaf fakir dan miskin. Pengurusan agihan ini meliputi promosi bantuan, bentuk bantuan, proses permohonan, proses pemilihan, penyerahan dan pemantauan.

LZNK telah membuat promosi atau hebahan bantuan menerusi kaedah tradisional dan kaedah moden dan terkini. Selain daripada penggunaan laman sesawang rasmi LZNK, media sosial seperti laman muka buku (*facebook*), penolong amil ataupun imam qariah dan melalui ceramah-ceramah serta forum berkaitan zakat, medium lain boleh juga digunakan. Penggunaan *banner* dan banting boleh diperbanyak lagi di lokasi strategik yang menjadi tumpuan masyarakat seperti masjid, pasar dan sekolah.

Pendekatan agihan zakat yang dilaksanakan oleh LZNK adalah berdasarkan permohonan asnaf dan juga pendekatan turun padang oleh pegawai asnaf dan penolong amil. Asnaf perlu mengisi borang permohonan dengan melampirkan dokumen yang diperlukan. Pegawai zakat juga akan turun padang menyiasat kesahihan status asnaf berdasarkan laporan orang ramai tentang kes-kes golongan yang memerlukan bantuan. Proses permohonan dan pemilihan boleh dipertingkatkan lagi dengan memanfaatkan teknologi maklumat terkini seperti permohonan secara atas talian menerusi pusat sehenti e-zakat di setiap masjid.

Bantuan berbentuk produktif juga boleh dipelbagaikan. Dalam hal ini kerjasama dengan pelbagai agensi boleh ditingkatkan agar bantuan zakat yang diberi dapat menambah dan meningkatkan kemahiran asnaf. Antara yang berpotensi adalah Kolej Komuniti menerusi kursus pendek seperti kursus bakeri dan kuih-muih. Langkah memperkasakan peranan penolong amil dalam proses permohonan amat baik kerana asnaf tidak perlu ke pejabat zakat untuk serahan borang. Langkah ini mungkin dapat mengatasi isu berkenaan penempatan asnaf yang jauh di pedalaman yang dibangkitkan oleh Teh Suhaila Tajuddin, Aza Shahnaz Azman,

dan Noraini Shamsuddin (2016). Namun, keperluan asnaf untuk hadir ke pejabat zakat setiap kali menerima bantuan bulanan boleh dipermudahkan lagi dengan adanya penolong amil di setiap kariah. Aspek pemantauan boleh ditingkatkan khususnya kepada penerima bantuan jayadiri mengenal pasti keberkesanannya bantuan.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ), Universiti Utara Malaysia dan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) kerana membayai penyelidikan ini menerusi Geran IPIZ. Kertas Kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan bertajuk ‘Pelaksanaan Mekanisme zakat dalam kalangan asnaf fakir dan miskin: Kajian di Kedah’ di bawah Dana Geran IPIZ, Universiti Utara Malaysia, Kod S/O 14120.

RUJUKAN

- Ahmad Fahme, Zakariah, Fuadah Johari, & Muhammad Ridhwan. (2015). The effectiveness of Zakat in reducing poverty incident: An analysis in Kelantan, Malaysia. *Asian Social Science*, 11(21), 355–367. <https://doi.org/10.5539/ass.v11n21p355>
- Amirul Afif Muhamat, Norlida Jaafar, Hardi Emrie Rosly, & Hasman Abdul Manan. (2011). An appraisal on the business success of entrepreneurial asnaf An empirical study on the state zakat organization (the Selangor Zakat Board or Lembaga Zakat Selangor) in Malaysia. *Journal of Financial Reporting and Accounting*, 11(1), 51–63. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.1108/MRR-09-2015-0216>
- Aza Shahnaz, Norzalina, & Latifa Bibi Musafar. (2014). Keberkesanannya medium maklumat sebagai perantaraan terhadap potensi berzakat: Kajian kes golongan muda (pelajar IPT). *E-Proceedings of The Conference on Management and Muamalah (CoMM 2014)*, (May), 978–983.
- Hairunnizam Wahid, & Sanep Ahmad. (2009). Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan asnaf. In *Seminar Kebangsaan Ekonomi Islam 2008/09* (pp. 1–17).
- Hairunnizam Wahid, & Sanep Ahmad. (2013). Keberkesanannya dan Kesesuaian Medium Promosi Agihan Zakat : Kajian kes di Negeri Selangor. *Prosiding PERKEM VIII, Jilid 1, 1*, 28–37.
- Muhammad Syukri Salleh. (2006). Lokalisasi Pengagihan Zakat: satu Cadangan Teoritis. In Abdul Ghafar Ismail & Hailani Muji Tahir (Eds.), *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian, dan Perundangan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Syafinas Muda. (2014). Keberkesanannya Agihan Zakat Kepada Asnaf Fakir dan Miskin: Kajian Kes Bantuan Jayadiri, Jabatan Zakat Negeri Kedah, Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- Othman Sahalan, & Luqman Hj Abdullah. (2014). Pengurusan Zakat Asnaf Mualaf di Negeri Johor: Satu Sorotan. *Jurnal Fiqh*, 11(11), 29–54.
- Sinar Harian (2014, 4 Jun). Perbaiki mekanisme agihan zakat <http://www.sinarharian.com.my/semasa/perbaiki-mekanisme-agihan-zakat-1.287061>
- Sohaimi Mohd Salleh & Mohd Gunawan Che Ab Aziz (2011). “Manual Pengurusan Agihan Zakat JAWHAR dan Cabaran Pelaksanaannya”, dlm. Muhammad Syukri Salleh, Mohamad Salleh Abdullah & Zahri Hamat, *Transformasi Zakat: Dari Zakat Saradiri Kepada Zakat Produktif*, Pulau Pinang: Pusat Urus Zakat Pulau Pinang (PUZPP) & Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia.
- Teh Suhaila Tajuddin, Aza Shahnaz Azman, & Noraini Shamsuddin. (2016). Impak Agihan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Di Selangor. In *Proceeding of the 2nd International Conference on Economics & Banking 2016*. Retrieved from <http://conference.kuis.edu.my/iceb2016/eproceedings/EB022.pdf>